

# Ikhwān al-Muslimīn Bersatulah Sekarang.....!

## Tegakkanlah Jihad Saudara-saudara Untuk Menegakkan Agama Allah

(sambungan bilangan yang lalu)

Di dalam beberapa makalah-makalah saya yang lalu telah banyak saya pertutunkan ayat-ayat al-Qurān yang mengenai dengan tuntutan-tuntuan supaya orang-orang kita, orang-orang yang mengaku dirinya memeluk dan beragama Islam, berjihad atau bekerja menumpukan perhatiannya kepada meninggikan agama Allāh.

Beberapa banyak pula ayat yang telah saya perturunkan guna memberi ingat kepada saudara-saudara Ikhwān al-Muslimīn akan amaran-amaran Allāh untuk kita beringat-ingat bersahabat dengan orang-orang kafir, dan juga peringatan-peringatan

tentang siapa yang kita boleh jadikan ketua kita dan siapa yang tidak akan amanah kalau diserahkan kewajipan atau tanggungan menjadi ketua itu bukan daripada golongan kita.

(Oleh Pemerhati)

Sambutan yang telah saya sebutkan dan perturunkan itu, di dalam udara gelora menuntut kemerdekaan atau gelora menyambut merdeka pada 13 Ogos 1957 hadapan yang sangat kancang itu, peringatan-peringatan, petunjuk-petunjuk dan amaran-amaran daripada Allah yang saya perturunkan itu harus oleh sebahagian pihak tidak berapa diendahkan nahkan ia adalah umpama air yang jatuh ke atas daun ke ladi. Ia tidak disambut dan ia tidak digemari bahkan harus dipandang giresan itu hanya sebagai satu perkara yang dicari-cari.

Tidak demikian saudara-saudara! Kewajipan saya menurunkan semula itu di dalam keadaan gelora merdeka yang ada sekarang, sekalipun harus disambut dengan berbagai pandangan tetapi walaupun begitu ia adalah satu perkara yang saya percaya di belakang nanti akan

membawa kesan-kesan yang nyata, dan akan membawa satu kesalahan yang berkepanjangan apabila kita atau orang-orang kita sudah berani melanggarnya dengan berterang-terangan. Bagi orang yang beriman sudah tentu ia tidak akan berani melanggarnya. Pada masa ini segolongan kita dan dan peringatan-peringatan itu tetap akan berlaku sekiranya kita akan mengeluarkannya, Pada masa ini segolongan kita dan harus segolongan pemimpin-pemimpin akan berkata mana boleh jadi tetapi kelak masa akan menunjukkannya.

Bayangan-bayangan yang kita Nampak hari ini sudah mengkhawatirkan sangat kepada kedudukan-kedudukan di mana letaknya nanti agama Islam di sisi pemerintahan yang akan datang. Jangankan perkara yang mengenai ketinggian agama akan diutamakan sedang berkenaan kedudukan dan taraf bangsa sendiri tidak berapa mendapat perhatian orang-orang kita. Lagu kebangsaan yang disyorkan supaya dibuat itupun

diperingatkan oleh ketua menteri, yang bakal menjadi ketua pemerintahan Malaya kelak, meminta supaya lagu yang dirancangan kelak hendaklah meliputi semua bangsa. Seimbaskan lalu bagi orang-orang yang tidak mendalami permintaan itu tidak dalam ertinya. Permintaan itu hanya sebagai satu permintaan umum.

Bagi kita yang demikian sabar maksudnya dan ia sebagai satu bayangan yang nyata bahawa lagu itu ditujukan atau dikehendaki sebagai lagu *Malayan*-Tidak sebagai lagu kebangsaan Melayu. Jika yang demikian itu disampaikan dan diminta oleh Ketua Menteri dengan dia sendiri sebagai ketua sebesar-besar pertubuhan Melayu maka terang bahawa perjuangan yang dilancarkan olehnya adalah perjuangan bangsa *Malayan*- bukan Melayu. Ini terang bahawa dengan sendirinya Melayu tidak lagi diiktirafnya sebagai bangsa tetapi ia telah menjadi sebagai kaum atau puak yang menjadi sendi kepada bangsa *Malayan*. Dari dahulu lagi orang tertanya-tanya tentang rupa bangsa ini tetapi Tengku Abdul Rahman tidak berani menegaskannya dengan terang.

Saudara-saudara Ikhwān al-Muslimīn! Kalau sekiranya kepada kebangsaan begitu sekali di kebelakangan maka betapa lagi dengan hal keagamaan. Agama kita akan menjadi hanya agama yang hidup di pondok-pondok, agama yang hanya meliputi kepada ibadat semata. Agama tidak akan dapat dialirkan kepada sendi-sendi pergaulan dan kemasyarakatan di dalam lingkungan kita Islam. Agama akan undur daripada yang ada sekarang. Saya berani menelah bahawa dengan kemerdekaan yang dituju itu maka agama tidak akan merdeka sebagaimana yang disebut oleh penasihat agama UMNO Tuan Haji Husin, yang telah pernah mengatakan bahawa tunggu merdeka dulu baru dapat agama merdeka pula. Yang demikian ini, menurut pandangan saya, tidak akan diharap. Agama akan terus terjajah dan dijajah. Oleh yang demikian kalau

kita tidak bekerja dan bangkit untuk menghimpunkan orang-orang kita menegakkan kemuliaan agama, menegakkan jihad mereka, jika perlu dengan darah sekalipun, maka saya percaya bahawa agama Islam di Malaya mungkin malap, malap dan terletak terus di dalam penjajahan. Kewajipan kita mesti beringat-ingat dan kewajipan kita bersama sangat besar dalam perkara ini. Berjihadlah saudara-saudara untuk menegakkan kalimah Allah

Al-Marḥum Shakib Arsalān

Baharu-baharu ini telah terdiri sebuah pertubuhan di Beirut, yang akan berusaha mengumpul dan mengecap buah pena al-Amīr Shakib Arsalan penganjur dan pengarang Islam yang masyhur. Al-Marḥum Shakib Arsalan pernah dibuang negeri ke Switzerland oleh penjajah Perancis tetapi setelah Syria dan Lubnan Berjaya mencapai kemerdekaan maka al-Marḥūm itu telah kembali ke tanah airnya (Lubnan) dalam tahun 1948 dan telah meninggal dunia pada tahun itu juga.

---

Sedang dicetak!

Cetak kedua!

Penggal kedua

Abu Bakr al-Ṣiddīq

Oleh

Abdullah Basmeh

Dua penggal tempat- Senaskah \$1.20 Pos 10 sen

Pintalah kepada penerbitnya:  
Qalam, Singapura

---